

MAHATHIR-PELAJAR

DARIPADA AHMAD REJAL ARBEE

NEW YORK, 29 SEPT (BERNAMA) -- SEMUA LEPASAN SEKOLAH MALAYSIA AKAN DIKEHENDAKI MENJALANI LATIHAN ROHANI DAN JASMANI BAGI MEMUPUK NILAI-NILAI MORAL DAN PERIBADI MULIA SEBELUM DIBERI PELUANG PEKERJAAN ATAU DIHANTAR BELAJAR KE LUAR NEGERI.

PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD KETIKA MENGUMUMKAN DEMIKIAN SEMALAM (AHAD) BERKATA LATIHAN INI AKAN DIADAKAN DI BEBERAPA KEM UNTUK MEMBENTUK MASYARAKAT BERMORAL YANG TAHU HIDUP SEMPURNA DAN TAHU MENGHARGAI ALAM SEKITAR KEHIDUPAN MEREKA.

KETIKA BERUCAP KEPADA LEBIH 200 ORANG PELAJAR MALAYSIA DI PEJABAT PERWAKILAN TETAP MALAYSIA KE BANGSA-BANGSA BERSATU DI SINI, BELIAU KHUATIR KALAU NILAI-NILAI BERAKHLAK MULIA INI TIDAK DIPUPUK GEJALA-GEJALA BURUK AKAN TERUS TERSERAP DI KALANGAN RAKYAT.

BELIAU BERKATA NEGARA TELAH SEDIKIT SEBANYAK GAGAL DALAM USAHA MEMUPUK NILAI-NILAI MULIA INI DI KALANGAN SESETENGAH RAKYATNYA DAN ITULAH SEBABNYA BERLAKU BEBERAPA PENYELEWENGAN DAN PECAH AMANAH SERTA PERBUATAN JENAYAH DI KALANGAN BEBERAPA PERTUBUHAN SEJAK AKHIR-AKHIR INI. -- LAGI

0929MST 29 09 86

MAHATHIR-PELAJAR 2 NEW YORK

BELIAU MENYEBUT KEJADIAN DALAM BUMIPUTRA MALAYSIA FINANCE, BEBERAPA BUAH BANK LAIN, BEBERAPA PERTUBUHAN KOPERASI SERTA PAN-EL (SYARIKAT PAN-ELECTRIC) SEBAGAI MISALAN BERLAKUNYA PENIPUAN YANG MEMBABITKAN BERATUS JUTA RINGGIT.

DAN ORANG-ORANG YANG MELAKUKAN PENIPUAN-PENIPUAN INI TERDIRI DARIPADA MEREKA YANG TERPELAJAR YANG SEPATUTNYA BERAMANAH DAN BERHEMAM TINGGI.

+TETAPI MALANGNYA APABILA TELAH BEBERAPA LAMA BEKERJA MEREKA NAMPAK PELUANG UNTUK MENIPU,+ KATA BELIAU.

+BILA NAMPAK DUIT MEREKA GELAP MATA,+ KATANYA.

MEREKA INI BUKANLAH TERDIRI DARIPADA PENJENAYAH TETAPI TERDIRI DARIPADA ORANG YANG BAIK-BAIK DAN YANG TERPELAJAR.

BELIAU KHUATIR APA AKAN JADI KEPADA MASYARAKAT MALAYSIA KIRANYA GEJALA BURUK DEMIKIAN INI TIDAK DIBENDUNG KHUSUSNYA DI KALANGAN MEREKA YANG TERPELAJAR.

+KITA KHUATIR APAKAH KITA HENDAK JADIKAN MASYARAKAT YANG TERPELAJAR TETAPI PENIPU ATAU SUATU MASYARAKAT YANG BERSIH DARIPADA SEGALA AMALAN KOTOR.+

DENGAN ITU KERAJAAN TELAH MEMBUAT KEPUTUSAN UNTUK MENGADAKAN KEM LATIHAN DI MANA PELATIH-PELATIH AKAN DIBERI LATIHAN ROHANI DAN JASMANI DAN DIPUPUK SEMANGAT MENGHARGAI HIDUP MULIA SERTA TAHU MENJAGA ALAM SEKELILINGNYA. -- LAGI

0931MST 29 09 86

MAHATHIR-PELAJAR 3 NEW YORK

DALAM SATU PERJUMPAAN SELAMA LEBIH DUA JAM DENGAN PELAJAR-PELAJAR ITU, PERDANA MENTERI JUGA TELAH MENYENTUH BEBERAPA PERKEMBANGAN DALAM NEGARA MASA KINI SERTA MENJAWAB BEBERAPA PERTANYAAN YANG DIKEMUKAKAN KEPADANYA.

ANTARA PERKARA YANG DITIMBULKAN IALAH KEADAAN EKONOMI NEGARA SEKARANG, DASAR EKONOMI BARU DAN KEADAAN POLITIK MASA KINI.

YANG TURUT HADIR DALAM PERJUMPAAN ITU IALAH DATIN SERI DR SITI HASMAH, MENTERI LUAR DATUK RAIS YATIM DAN DATIN MASNAH, MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN, TENGGU RAZALEIGH HAMZAH, WAKIL TETAP MALAYSIA KE BANGSA-BANGSA BERSATU DATUK YUSOF HITAM DAN DUTA BESAR MALAYSIA DI WASHINGTON, ENCIK ALBERT TALLALA.

DEWAN DI TINGKAT 44 BANGUNAN TWO GRAND STATION DI 45TH STREET DAN LEXINGTON AVENUE ITU PENUH SESAK DENGAN LEBIH 200 ORANG PELAJAR DARI NEW YORK, NEW JERSEY, PENNSYLVANIA, MASSACHUSETTS, CONNECTICUT DAN BEBERAPA NEGERI BERDEKATAN. -- BERNAMA

0933MST 29 09 86